

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**KAWASAN : SIBU**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2016, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan untuk memasang lampu jalan di kawasan P212 Sibu dari 2010 sehingga 2016, senaraikan jumlah peruntukan dan jumlah lampu yang dipasang, dan tempat yang dipasang mengikut tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pemasangan lampu jalan kebiasaannya tidak dilaksanakan sebagai satu projek yang khusus, sebaliknya ia akan dimasukkan dalam kontrak pembinaan sesuatu jalan. Bidang kuasa pihak yang bertanggungjawab untuk memasang dan menyelenggara lampu jalan adalah mengikut status sesuatu jalan berkenaan, iaitu sama ada Jalan Persekutuan (di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya), Jalan Negeri (di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri/JKR Negeri) atau Jalan Perbandaran (di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sibul – lampu-lampu jalan tidak dipasang di sepanjang Jalan Persekutuan kecuali di lokasi strategik keselamatan sahaja berikutan kos yang tinggi. Berdasarkan semakan kementerian ini, sebahagian besar lampu-lampu jalan di dalam kawasan bandar Sibul terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Sibul (MPS).

Mengenai jumlah peruntukan penyelenggaraan lampu jalan persekutuan di Sibul, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 2011 hingga 2016, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.85 juta atau purata RM475,000 setahun. Lokasi lampu jalan yang terlibat ialah di sepanjang Jalan Persekutuan Pan Borneo (AH150) dalam bahagian Sibul.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 37**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) bilakah Kerajaan akan memulakan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa; dan
- (b) bilakah LTSIP akan dinaik taraf kepada sebuah lapangan terbang antarabangsa.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melantik perunding kejuruteraan bagi memulakan kerja-kerja awalan projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa. Projek ini dijangka akan bermula pada bulan Julai 2017 dan mengambil masa selama 3 tahun untuk disiapkan.

Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telahpun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk LTSIP adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini mampu mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9300**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan lebih terperinci, jika ada kajian pernah dilakukan, apakah dengan meletakkan tikus, nyamuk dalam penjara akan menginsafkan banduan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dimaklumkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia tidak ada melaksanakan sebarang kajian berhubung dengan pendekatan meletakkan tikus dan nyamuk di dalam penjara bagi menginsafkan banduan.**

**Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hukuman pemenjaraan adalah bertujuan agar seseorang yang disabitkan itu, insaf di atas perbuatannya terdahulu serta pada masa yang sama, banduan yang dipenjarakan tersebut dapat menjalani program pemulihan diri. Sepanjang seseorang banduan menjalani program pemulihan, sekatan terhadap kebebasan dirinya dan persekitarannya adalah tertakluk kepada Akta dan Peraturan Penjara, *United Nations Standard Minimum Rules* serta undang-undang lain yang berkaitan. Dalam konteks tersebut, Akta dan Peraturan berkenaan juga menetapkan bahawa banduan perlu diberikan layanan yang adil dan saksama antaranya dari segi penempatan, kebersihan sel, pemakanan, kesihatan, perjumpaan, komunikasi, kemudahan asas, latihan dan tatatertib.**